




1 - 15 MEI, 2021

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Galeri Arkeologi Guar Kepah sebagai tapak warisan


Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **CHAN KOK KUAN & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**


**PENYENARAIAN** Galeri Arkeologi Guar Kepah dekat Kepala Batas sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) tentunya disambut baik oleh pelbagai pihak.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN** berkata bahawa penetapan tapak Neolitik Pulau Pinang itu adalah selaras dengan usaha serta inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengembangkan bidang pemeliharaan dan pemuliharaan warisan.



YEOH Soon Hin.

"Bidang pemeliharaan dan pemuliharaan warisan semakin dititikberatkan di bawah portfolio Ekonomi Kreatif.

"Dengan penambahan tapak warisan ini, kami dapat memajukan sektor warisan Pulau Pinang dan memupuk kesedaran rakyat terhadap aspek berkaitan yang terdapat di negeri ini serta mendorong usaha-usaha daripada pelbagai pihak termasuklah orang awam serta badan-badan kerajaan.

"Justeru, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memastikan konservasi artifak dan memelihara tapak tersebut sebagai satu tapak warisan negeri Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

## Sejarah tapak arkeologi Guar Kepah

Guar Kepah atau nama lainnya 'Goa Cuppa' atau 'Guah Gappah' ialah sebuah gua batu kapur asfalt yang terletak dekat Kepala Batas dalam Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Pulau Pinang.

Kepah adalah merujuk kepada sejenis siput yang boleh dimakan dan berasal dari laut dengan ketinggian kira-kira 25 kaki dari aras laut.

Kerja-kerja ekskavasi sejarah awal telah dilakukan oleh Van Stein Callenfels pada tahun 1934-1936 dan telah menemui bukti-bukti kehidupan Orang Asli suku Semang seperti tulang manusia, sisa makanan, serpihan seramik, alatan batu dan sebagainya.

Guar Kepah juga merupakan tapak penggalian pertama oleh pegawai British GW Earl pada tahun 1850, yang membawa kepada penemuan 27 tulang manusia yang kini disimpan di Belanda.

Seawal tahun 1860, tapak perkuburan manusia prasejarah ditemui di atas bukit di Guar Kepah.

Pada tahun 2017, pemeriksaan lanjut oleh pasukan Pusat Penyelidikan Arkeologi USM (PPAG) yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin menemui tengkorak manusia dan tulang rusuk, semuanya dipercayai dari Zaman Neolitik yang berusia kira-kira 5,000 tahun.



KETUA Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan khas ke Galeri Arkeologi Guar Kepah pada 9 Julai 2020.

Lantaran penemuan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi hak milik tanah di tapak arkeologi Guar Kepah seluas 9,671 meter persegi kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang bagi membangunkan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah.

Kemudian pada Februari 2021, Galeri Arkeologi Guar Kepah bersama-sama Bangunan Wadda Gurdwara Sahib telah disenaraikan sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang dilihat akan memberi kesan positif terhadap kajian terbabit.

## Mempelbagaikan produk pelancongan

Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri, **LAY HOCK PENG** antara yang menyambut baik penyenaraian Galeri Arkeologi Guar Kepah sebagai tapak warisan kerana diyakini dapat mempelbagaikan lagi produk pelancongan di kawasan Seberang Perai Utara (SPU).

Sebagai individu yang bertanggungjawab menyediakan pakej pelancongan lengkap untuk kawasan SPU, beliau berkata bahawa penetapan Galeri Arkeologi Guar Kepah sebagai tapak warisan bakal menjadi nilai tambah kepada pakej tersebut.



LAY Hock Peng.


*(Sambungan di muka 8).*

# Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus jangka buka Oktober



ZAIRIL Khir Johari (empat dari kiri), Yeoh Soon Hin (kiri sekali) dan pihak-pihak berkaitan meneliti lakaran pelan projek dengan berlatar belakangkan Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **EXCO**

**PAYA TERUBONG –** Projek Lebuh Raya Berkembar Bukit Kukus sepanjang 5.5 kilometer (km) jangka dibuka kepada laluan awam menjelang Oktober berbanding Julai 2021 sebagaimana diumumkan sebelum ini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa projek berkenaan sedang giat dijalankan dan kemajuan di tapak telah mencapai kadar 94.83 peratus berbanding 95.11 peratus seperti yang dijadualkan.

Menurut beliau, tarikh siap terpaksa dilanjutkan daripada 26 Mei kepada 23 Oktober 2021 ekoran beberapa sebab teknikal yang mana kerja-kerja tambahan perlu dilakukan.

"Rawatan cerun serta penjajaran semula jalan sambungan ke Jalan Paya Terubong perlu dilakukan berdasarkan kepada perakuan ahli pakar geologi yang telah memeriksa kawasan tapak pembinaan.

"Kini, antara pendekatan yang sedang dijalankan adalah kerja-kerja tanah pada bahagian sambungan ke Lebuh Bukit Jambul dan sambungan ke Jalan Paya Terubong, kerja pembaikan/perlindungan cerun, pembinaan tembok penahan *(retaining wall)* dan pemasangan *T-Beam* di *'main line'* yang akan menghubungkan jalan sambungan ke Jalan Paya Terubong.

"Apabila siap pada Oktober nanti, Kerajaan Negeri percaya ia mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di sini," ujarnya pada sesi lawatan tapak di sini 8 April lalu.



KEMAJUAN projek kini.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Projek bernilai RM400 juta itu adalah jalan alternatif bertingkat menghubungkan Lebuhraya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam ke Lebuh Bukit Jambul yang mana ia membabitkan pembinaan sambungan ke Jalan Bukit Kukus dengan Lebuhraya Thean Teik serta Lebuh Bukit Jambul sepanjang lima kilometer.

Manakala sebahagian lagi adalah pembinaan pautan dari Jalan Bukit Kukus ke Jalan Tun Sardon *(Tun Sardon Link)* sepanjang 600 meter.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga ADUN Tanjung Bunga menyatakan bahawa laluan berketinggian 60 meter (m) itu dijangka menjadi lebuh raya paling tinggi di Malaysia selepas jambatan Lebuh Raya Rawang-Serendah atau *Rawang Bypass* iaitu 58.2 meter.

"Bagaimanapun ia akan dibincangkan bersama *Malaysia Book of Records* (MBOR) apabila siap kelak," ulasnya.

# Tiga kadar zakat fitrah

**SEBERANG JAYA -** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menetapkan tiga kadar zakat fitrah bagi tahun ini, kata Yang Dipertuanya, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Menurut beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri I, tiga kadar itu adalah RM7, RM12 dan RM16 sebagaimana diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri serta diperkenan oleh Yang Dipertuan Agong selaku Ketua Agama Islam di Pulau Pinang.

"Tiga kadar zakat fitrah ini ditetapkan pada tahun ini bagi memberi peluang kepada umat Islam di Pulau Pinang yang memiliki kelebihan daripada segi kemampuan, menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah mereka mengikut kadar yang lebih tinggi iaitu RM16 seorang," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti pada sidang media di sini 8 April 2021.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali dan Timbalannya, Mohamad Kairi Ghazali.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin memberitahu bahawa kadar zakat fitrah RM7 bagi kumpulan majoriti yang memakan beras jenis Super Special Tempatan adalah berjumlah 5 peratus, Super Special Tempatan (10 peratus), Beras Tempatan Standard, Beras Tempatan Premium, *Thai White Rice*, *Vietnam White Rice*, *Pakistan White Rice* atau lain-lain setara dengannya.

Sementara kadar zakat fitrah RM12 pula, beliau menjelaskan bagi kumpulan yang memakan beras wangi, beras pulut dan beras *Calrose/Poney* atau yang setara dengannya.

"RM16 bagi kumpulan yang memakan jenis berkualiti tinggi seperti beras basmathi dan setara dengannya," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zakiyuddin turut menjelaskan bahawa ZPP menerusi Amil zakat fitrah yang dilantik sebelum ini berjaya memungut RM5.54 juta pada tahun 2020, iaitu semasa negara dan negeri ini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19.

Mengambil kira angka pungutan zakat fitrah tersebut, beliau menyatakan bahawa MAINPP dan ZPP menyasarkan kutipan zakat fitrah sebanyak RM6 juta pada tahun ini.




IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) pada sidang media di sini baru-baru ini.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Ahmad Fuzi dilantik Yang Dipertua Negeri ke-8



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama Dr. Abdul Rahman Abbas bersempena kunjungan hormat yang diadakan di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Abdul Razak dilantik sebagai Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ke-8 menggantikan Tun Dato' Seri Utama Dr. Abdul Rahman Abbas.

Perkara itu diumumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sidang media di sini 12 April lalu.

Menurut Kon Yeow, beliau telah menerima sepucuk warkah pemakluman pelantikan daripada Yang Dipertua Agong pada 8 April 2021.

"Baginda bertitah perkenan bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak dilantik sebagai Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ke-8," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa majlis penyerahan watikah pelantikan Ahmad Fuzi akan diadakan pada 30 April 2021 di Istana Negara.

"Manakala istiadat Angkat Sumpah Jawatan akan berlangsung pada 1 Mei 2021 di Dewan Sri Pinang.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menguruskan segala upacara dan istiadat pelantikan sebaik mungkin mengikut prosedur operasi standard (SOP) digariskan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"(Dan) mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya mengalu-alukan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak sebagai Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang ke-8.

"Sesungguhnya segala jasa dan amanat yang diberikan oleh Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas kepada saya dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan senantiasa menjadi pedoman serta panduan dalam usaha untuk terus meletakkan kecemerlangan negeri Pulau Pinang di persada dunia," zahirnya.

Sebagai rekod, Ahmad Fuzi merupakan mantan Ketua Setiausaha di Kementerian Luar Negeri setelah berkhidmat di kementerian tersebut sejak 1972.

Kini, anak kelahiran Pulau Pinang itu adalah Ketua Setiausaha World Islamic Economic Forum Foundation (WIEF) serta menjawat beberapa jawatan lain di pelbagai organisasi dalam dan luar negara.

Terdahulu, Kon Yeow bersama-sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar dan Pegawai Undang-Undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi mengunjungi kediaman rasmi Abdul Rahman di Seri Mutiara baru-baru ini, bagi memaklumkan mengenai warkah yang diterima.

Abdul Rahman dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 2001. Beliau dilantik semula ke jawatan sama pada tahun 2005, 2009, 2011, 2013, 2015 dan 2017.

## *Penang Smart Parking* dilengkapi navigasi 'Cari Parkir'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** *Penang Smart Parking* (PSP) yang mula dipasang secara berperingkat di kedua-dua bahagian pulau dan Seberang Perai sejak 16 bulan lepas, kini dinaik taraf lagi dengan ciri-ciri baharu seperti fungsi navigasi 'Cari Parkir' yang pintar serta mesra pengguna.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa merasmikan Majlis Pelancaran Aplikasi PSP Versi 2.0.3 tersebut antara lain berharap lebih banyak lagi peneraju teknologi pintar memilih negeri Pulau Pinang sebagai tapak projek perintis berkaitan, sebelum diperluaskan ke negeri-negeri lain.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut merakamkan penghargaan kepada firma pengendali PSP, Heitech Padu Berhad kerana menjadi rakan kongsi strategik negeri dalam mempercepatkan proses pendigitalan ekonomi selaras Visi Penang2030.

"Saya ingin mengucapkan tahniah kepada PSP kerana telah menang beberapa penganugerahan negeri serta negara dan mungkin di peringkat Asia juga.

"Jadi (pencapaian dalam bentuk penganugerahan) itu bukan alasan untuk kita berasa begitu selesa, sebaliknya patut menggalakkan kita (Pulau Pinang) untuk membuat penambahbaikan pada sistem (PSP Versi 2.0.3) ini.

"Kita (Pulau Pinang) percaya bahawa teknologi akan membantu kita mencapai impian yang telahpun ditetapkan dalam Visi Penang2030 yang memberikan fokus kepada keluarga, menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau serta pintar dan memberi inspirasi kepada negara," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis perasmian berkaitan di sini pada 3 April 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga ADUN Datuk Keramat serta Naib Presiden Eksekutif Heitech Padu Berhad, Abdul Halim Md. Lassim turut berucap pada majlis tersebut.

Turut serta, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali serta beberapa Ahli Majlis bagi kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Dengan penggunaan sistem parkir pintar tersebut sehingga 29 Mac lalu, menurut Kon Yeow, ia telah membawa pulangan hasil kira-kira RM16.4 juta, iaitu RM12,056,693.25 kepada MBPP dan MBSP (RM4,299,853.80).

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu bahawa sehingga 28 Februari lepas, kesemua 12,000 unit sensor telah siap dipasang di kawasan pentadbiran MBPP manakala 3,000 lain (pentadbiran MBSP dekat Seberang Perai).

"Bagi kawasan MBSP, baki 21,000 unit lagi akan dipasang secara berperingkat sehingga bulan September 2021," ujarnya.

Selain itu, Jagdeep turut memberitahu bahawa jumlah muat turun aplikasi pintar PSP setakat 29 Mac 2021 adalah sebanyak 579,484 kali, dengan penglibatan pengguna aktif seramai 232,473 pihak.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan sejurus Majlis Pelancaran Aplikasi PSP Versi 2.0.3 di sini baru-baru ini.

## Garis panduan tapak proses sisa bahan binaan diwujudkan

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang selangkah lagi ke hadapan berbanding pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri-negeri lain dengan mewujudkan garis panduan tapak pemprosesan sisa-sisa bahan binaan bagi tujuan kitar semula sejajar dengan Visi Penang2030.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa tujuan diwujudkan garis panduan tersebut antara lain demi menjemput pihak swasta yang berminat menghantar permintaan untuk cadangan (RFP) kepada kedua-dua PBT negeri.

"Ketika ini, cadangan tapak (pemprosesan sisa-sisa bahan binaan bagi tujuan kitar semula) untuk kawasan Seberang Perai adalah di Ampang Jajar...dengan keluasan 60 ekar.

"Teknologi (memproses sisa bahan binaan) yang lama mungkin memerlukan tanah yang lebih luas, namun, penggunaan teknologi terkini dengan tanah (seluas 60 ekar) ini boleh dilakukan lebih (kerja-kerja memproses sisa bahan binaan untuk tujuan kitar semula).

"Iklan untuk memanggil pihak swasta menghantar RFP telahpun dibuat pada bulan April 2021...sasaran kedua-dua PBT untuk melantik operator baharu adalah pada tahun 2022," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada penganjuran Bengkel Garis Panduan Tapak Pemprosesan Sisa Pepejal dan Bahan Binaan Bagi Tujuan Kitar Semula di sini 9 April 2021.

Turut serta, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Jagdeep memberitahu bahawa di bahagian pulau, jumlah keseluruhan semua jenis sisa yang dipungut tiap-tiap hari bagi tahun 2020 direkodkan kira-kira berjumlah 970 tan, dengan 235 tan per hari adalah sisa bahan binaan.

Manakala di bahagian Seberang Perai pula, beliau menjelaskan bahawa jumlah keseluruhan semua jenis sisa yang dipungut tiap-tiap hari bagi tahun 2020 direkodkan kira-kira 1,515 tan, dengan 164 tan per hari adalah sisa bahan binaan.

"Walaupun jumlah pungutan semua jenis sisa di bahagian pulau adalah lebih rendah (berbanding di bahagian Seberang Perai), tetapi jumlah pungutan sisa bahan binaan di bahagian pulau adalah lebih tinggi (berbanding di bahagian Seberang Perai).

"Angka ini mungkin kerana tahap projek pembinaan di bahagian pulau adalah begitu tinggi (berbanding di bahagian Seberang Perai)," ulasnya.

Sebelum itu, semasa menyampaikan ucapan perasmian bengkel tersebut, Jagdeep merakamkan penghargaan atas rekod 55.91 peratus kadar kitar semula bagi tahun 2020 di bahagian Seberang Perai yang mana merupakan pencapaian tertinggi di negara ini.

Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa kadar peratusan kitar semula di bahagian pulau pada tahun lepas direkodkan sebanyak 31.6 peratus.

# Bantu pemilikan rumah pertama, sasar 22,000 unit skim RTO

Gambar : **EXCO**

**PULAU BETONG** – Penawaran unit secara skim sewa beli (RTO) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu pemilikan rumah pertama khususnya dalam segmen rumah mampu milik (RMM) A dan B.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kini, pencapaian semasa unit RTO adalah sebanyak 2,474 unit iaitu 11.2 peratus daripada sasaran ditetapkan (22,000 unit keseluruhannya).

"Sasaran sebanyak 22,000 unit telah ditetapkan untuk penawaran RTO, dan ini merupakan peningkatan daripada sasaran asal sebanyak 1,000 unit menjelang tahun 2030," ujarnya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Taman Prestij Idaman, Daerah Barat Daya (DBD) di sini 8 April lalu.



JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) memegang replika kunci sambil bergambar bersama-sama para penerima sejurus Majlis Penyerahan Surat Tawaran Taman Prestij Idaman di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas).

Sebagai rekod, selaras dengan Inisiatif Strategik A1 di bawah Visi Penang2030: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sejumlah 220,000 unit RMM pelbagai kategori perlu disediakan menjelang tahun 2030.

Terdahulu, pada majlis sama, sebuah syarikat pemaju swasta telah menyerahkan sebanyak 1,175 unit RMM A berkeluasan 650 kaki persegi (kp) kepada Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) selaku Pemilik Unit Hasil daripada pelaksanaan Dasar Melestari, Melaris serta Mempergiatkan Penjualan RMM.

Jagdeep memaklumkan bahawa daripada 1,175 unit berkaitan, sebanyak 612 unit iaitu 52 peratus akan ditawarkan secara RTO.

"Sejumlah 152 penawaran secara RTO dan Jual Beli telah dibuat, dan dijangka 430 unit akan selesai penawaran menjelang Disember 2021, malah, tawaran kepada 47 orang iaitu RTO seramai 29 penerima dan Jual Beli (18) turut diberikan," ulasnya.

# Pusat kutipan zakat cemerlang diberi anugerah

**SEBERANG JAYA** - Agensi negeri, Zakat Pulau Pinang (ZPP) memberikan Anugerah Pengurusan Zakat Fitrah Terbaik tahun 1441H/2020 kepada 18 pusat kutipan zakat fitrah yang mencatatkan prestasi kutipan paling cemerlang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti berkata demikian semasa menyampaikan ucapan perasmian Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah 1442H/2021M di sini pada 1 April lalu.

"Saya percaya bahawa banyak cabaran yang dihadapi oleh Amil zakat fitrahpada tahun lalu akibat masjid dan surau terpaksa ditutup kepada masyarakat awam.

"Terdapat pusat kutipan zakat fitrah yang mengalami penurunan kutipan yang mendadak.

"Sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan daripada ZPP kepada para Amil yang mempamerkan kesungguhan serta kecemerlangan dalam menguruskan kutipan zakat fitrah pada tahun 2020, ZPP berbesar hati untuk memberikan Anugerah Pengurusan Zakat Fitrah Terbaik Tahun 2020 kepada pusat kutipan yang mencatatkan prestasi cemerlang bagi kutipan zakat fitrah tahun 2020," jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada majlis berkaitan.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali memberitahu bahawa bagi tahun 2020 menyaksikan peningkatan jumlah kutipan zakat sebanyak 9.5 peratus serta jumlah pembayar juga meningkat kira-kira 4.59 peratus, berbanding tahun sebelumnya.

Menurut beliau, ZPP pada tahun ini melantik seramai 1,719 orang Amil zakat fitrah yang melibatkan 232 pusat kutipan bagi memungut zakat fitrah di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Bagi menguruskan kutipan zakat fitrah pada tahun ini dengan sempurna, ZPP akan membuat pembayaran pendahuluan Amil dengan kadar 85



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

peratus yang melibatkan RM518,768.00.

"Kadar ini adalah daripada jumlah upah yang diterima oleh Amil pada tahun sebelumnya (2020) yang melibatkan semua kariah serta pusat-pusat pungutan zakat fitrah yang dilantik," ujarnya.

# Projek pembaharuan semula skim perumahan lama mula tahun depan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**BUKIT TENGAH** – Projek pembaharuan semula skim perumahan lama akan bermula pada tahun depan melibatkan blok Flat Mahsuri dekat Lorong Mahsuri 10, Bayan Lepas sebagai projek perintis.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa projek berkenaan akan dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) di bawah Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar (URC).

Menurut beliau, selain blok di Flat Mahsuri, empat lagi skim perumahan yang dikenal pasti bawah projek berkenaan adalah flat di Padang Tembak dan Taman Free School (bahagian pulau) manakala di Seberang Perai pula adalah melibatkan flat Taman Siakap serta rumah pangsa Mak Mandin.

"Skim perumahan Mahsuri dekat Bayan Lepas mempunyai lima blok empat tingkat dengan setiap blok ada 250 unit dan tidak ada alasan mengapa ia tidak boleh diubah menjadi blok yang merangkumi 10 hingga 15 tingkat.

"Ini bermakna, di tapak yang sama kita boleh membina tiga kali ganda daripada unit yang sedia ada kini.

"Kita mempunyai sebidang tanah lapang di kawasan itu dan kita akan membina blok bertingkat baru untuk memindahkan penduduk dari blok lama yang bakal dirobohkan. Formula yang kita cadangkan adalah pemilik unit akan mendapat satu unit baru.

"Blok baru ini juga adalah lebih besar dan tidak kurang daripada 750 kaki persegi dengan dilengkapi tiga bilik tidur dan dua bilik mandi berbanding dengan unit lama yang mempunyai luas bangunan hanya 250 kaki persegi.

"Blok-blok baru di bawah URC juga akan dilengkapi dengan sistem keselamatan serta kemudahan-kemudahan lain yang jauh lebih baik untuk penduduk di negeri ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel URC bersama LPNPP dekat sini pada 9 April lalu.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa semua lima projek pembaharuan semula skim perumahan tersebut dijangka akan menambahkan sekitar 3,000 unit rumah mampu milik (RMM) di negeri ini.

"Projek ini adalah sebahagian daripada Visi Penang2030 untuk memenuhi keperluan perumahan yang kondusif dan lebih selesa untuk rakyat di negeri ini," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa objektif URC adalah untuk melihat bagaimana skim perumahan lama dapat dinaik taraf, dibina semula dan diperbaharui seperti yang dilaksanakan oleh banyak negara termasuk Singapura di bawah *Urban Regeneration Authority*.

"Kerajaan Negeri telah membentuk jawatankuasa ini pada tahun 2013 lagi tetapi tidak dapat diteruskan kerana masalah teknikal serta peruntukan undang-undang.

"Pada 2018, isu pertama yang kita lihat apabila pihak Kementerian (Perumahan dan Kerajaan Tempatan) sendiri datang ke Pulau Pinang berkaitan peruntukan undang-undang.

"Justeru, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian sama ada mahu meminda undang-undang sedia ada seperti Akta Strata dan Kanun Tanah Negara atau mewujudkan undang-undang baru khusus untuk pembaharuan semula bandar," ulasnya.

Difahamkan, bengkel tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Tanah dan Daerah, PLANMalaysia, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) serta Jabatan Perundangan Negeri.

# PTSP-3 kini beroperasi, komponen strategik bekalan air

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **PBAPP**

**GEORGE TOWN -** Saluran paip dasar laut berkembar ketiga Pulau Pinang (PTSP-3) sebagai komponen utama pelan kontingensi berterusan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd. dalam memastikan kecukupan bekalan air di negeri ini kini telah beroperasi sepenuhnya mulai 19 November 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad dan PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa PTSP-3 menyalurkan sehingga 315 juta liter sehari (JLH) air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai ke Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau negeri ini.



**IR. Jaseni Maidinsa.**

"Dari Bukit Dumbar, air terawat ini akan dipam ke kawasan selatan pulau yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan merupakan kawasan penting daripada segi ekonomi termasuk Kawasan Perindustrian Bayan Lepas.

"(Dan) air terawat ini boleh dipam untuk sampai sehingga ke Balik Pulau bagi memastikan bekalan air berterusan terutama ketika musim kering berpanjangan," ujarnya melalui kenyataan media bertarikh 31 Mac 2021 di sini.

Tambah Jaseni, pada tahun 2020, purata penggunaan air setiap hari di bahagian pulau adalah 368 JLH atau 43.6 peratus daripada jumlah penggunaan negeri iaitu 845 JLH.

"Pengoperasian PTSP-3 kini membolehkan penyaluran sebanyak 708 JLH yang mana kapasiti maksimum PTSP pertama (PTSP-1) adalah sebanyak 143 JLH, PTSP -2 (250 JLH) dan PTSP-3 (315 JLH).

"(Dan) sepanjang tempoh 48 tahun (iaitu ketika pengoperasian PTSP-1 pada tahun 1973), purata penggunaan air di negeri ini meningkat 394 peratus iaitu daripada 93.3 JLH (1973) kepada 368 JLH (2020)," katanya yang turut berikrar untuk mengekalkan bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang terutama ketika berdepan cabaran perubahan iklim dan juga pasca pemulihan pandemik COVID-19.

Menurut Jaseni, selain berupaya meningkatkan keselamatan bekalan air untuk semua pengguna domestik dan perniagaan di Pulau Pinang meskipun ketika berlakunya perubahan iklim mahupun peningkatan permintaan air di bahagian pulau, PTSP-3 juga berperanan sebagai pelan mitigasi risiko air mentah pada musim kemarau berpanjangan.

"Dengan lebih banyak air tersedia melalui PTSP-3, PBAPP mempunyai pilihan untuk meminimumkan pengeluaran dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang setiap hari pada musim kemarau.



**RAKAMAN gambar aerial menunjukkan pelaksanaan PTSP-3 yang siap dilaksanakan.**

"Hal ini akan memanjangkan simpanan dua empangan sehingga hujan turun untuk mengisi semula empangan daripada bulan September sehingga Disember setiap tahun.

"Malah dengan pengoperasian PTSP-3 dan Empangan Mengkuang (yang diperbesarkan dan diserahkan kepada Pulau Pinang pada 26 Oktober 2020), maka dua komponen strategik bekalan air ini memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko kekurangan air sehingga tahun 2025." jelasnya.

Sebagai rekod, projek PTSP-3 dimulakan pada 3 Oktober 2016 dengan jumlah kos sebanyak RM114.3 juta dan merangkumi empat pakej kerja iaitu Pakej 1 melibatkan pemasangan 0.9 kilometer (km) saluran paip 1,800 milimeter (mm) di kawasan Macallum; Pakej 2A dan 2B adalah pemasangan 0.4km saluran paip 1,800mm di Butterworth masing-masing serta Pakej 3 melibatkan pemasangan 3.2km saluran paip dasar laut berkembar 1,200mm di selat antara kawasan Macallum dan Butterworth.

# Sistem tenaga solar jana penjimatan buat PBAPP

**GEORGE TOWN –** Pemasangan sistem tenaga solar di Bukit Dumbar telah menjana penjimatan bil elektrik purata sebanyak RM22,811 kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk tempoh enam bulan.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, berikutan pengoperasian sistem berkenaan pada Julai 2020, kos elektrik PBAPP telah menurun sebanyak RM136,868 untuk tempoh Ogos 2020 sehingga Januari 2021 berbanding tempoh enam bulan (Februari hingga Julai 2020) sebelumnya.

"Penjimatan kos yang diunjurkan sepanjang tahun adalah RM273,732.



**PANEL solar yang telah siap dipasang.**

"(Dan) daripada membayar sistem, kita (PBAPP) telah menandatangani perjanjian dengan PSB Energy Sdn. Bhd. (PSB) untuk membayar tarif solar sebanyak RM0.305/kWh untuk tempoh 25 tahun.

"Perjanjian pembayaran tarif solar ini adalah lebih rendah daripada tarif komersial yang dikenakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)," ujarnya melalui kenyataan media di sini 23 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa sistem tenaga solar 1.5 MWp (Megawatt puncak) yang dipasang oleh PSB adalah tidak melibatkan sebarang kos kepada perbadanan berkenaan.

"PSB bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelenggaraan sistem sepanjang tempoh perjanjian yang mana sistem pemantauan dalam talian juga telah dipasang di lokasi untuk memantau prestasi sistem," jelasnya.

Bagi tujuan memerangkap tenaga solar, Jaseni menyatakan bahawa sebanyak 4,586 panel solar fotovoltan telah dipasang di atas kolam air Bukit Dumbar R2 dan R3.

Tambah beliau, tenaga solar akan diubah menjadi tenaga elektrik dan seterusnya disalurkan ke sistem bekalan kuasa yang digunakan oleh Rumah Pam Bukit Dumbar 1 dan Bukit Dumbar 2.

"Dengan cara ini, elektrik yang dijana di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar akan digunakan untuk operasi mengepam air terawat 24/7, walau bagaimanapun sistem tenaga solar ini adalah tidak mencukupi untuk menggerakkan semua operasi mengepam bekalan air yang berintensifkan tenaga di sini.

"Oleh demikian, PBAPP masih memperoleh purata 864,197kWh secara langsung setiap bulan daripada grid kuasa TNB untuk digunakan sepanjang tempoh Ogos 2020 hingga Januari 2021.

"Justeru, berikutan kejayaan projek rintis ini, PBAPP sedang mencari alternatif untuk memasang sistem tenaga suria yang serupa di kemudahan lain di Pulau Pinang demi menjana lebih banyak penjimatan kos," ulasnya.


## SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH/CUKAI PETAK?

**1. Cara Pembayaran**

i. Kaunter Pejabat Daerah & Tanah
- tunai
- kad kredit / kad debit
- cek/kiriman wang/kiriman wang pos dibayar atas nama "**Pentadbir Tanah Daerah**"

ii. Bayaran atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my
- caj perkhidmatan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% bagi setiap transaksi

**2. Pengemaskinian Nama, Alamat surat-menyurat di Bil**

- Sistem PTGBil (atas talian) - etanah.penang.gov.my
- Borang NA(2) - diperolehi di Kaunter Hasil Pejabat Daerah & Tanah/ Pejabat Tanah & Galian
- Di bahagian belakang bil cukai tanah/cukai petak

**3. Cara Semak Akaun Cukai**

- Semakan atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my (dengan menggunakan **NO KP / POLIS / TENTERA / NO. SYARIKAT**)

**4. Pertanyaan**

- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara - 04-577 6500 / 04-577 6618
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah - 04-548 8888 / 04-548 8915
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan - 04-585 7800 / 04-585 7851
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut - 04-650 5344 / 04-650 5290
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Barat Daya - 04-868 9400 / 04-868 9455
- Pejabat Tanah dan Galian – 04- 650 5849 / 04- 650 5847

**PEMAKLUMAN**

**RALAT: CAJ PERKHIDMATAN BAGI PEMBAYARAN ATAS TALIAN DI BIL CUKAI 2021**

Caj perkhidmatan bagi pembayaran Cukai Tanah/Cukai Petak secara atas talian di ebayar.penang.gov.my akan dikenakan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% untuk setiap transaksi.

Sila abaikan ralat pada pernyataan "Caj perkhidmatan bagi kad debit dan kad kredit adalah 1.00% bagi setiap transaksi pembayaran cukai secara atas talian" yang tertera di belakang bil cukai Tahun 2021.

# Tarikan rekreasi baharu di Sungai Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALVIE CHENG**



RAKAMAN aerial pemandangan taman kejiranan seluas tiga ekar dekat Lebuh Sungai Pinang.

**GEORGE TOWN -** Taman kejiranan seluas tiga ekar yang akan siap dibina dekat Lebuh Sungai Pinang bakal menjadi satu lagi elemen tarikan menarik kepada para pengunjung ke kawasan pesisiran laut di Persiaran Karpal Singh.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim memberitahu bahawa projek yang menelan belanja kira-kira RM1.5 juta tersebut kelak akan membolehkan pengunjung menikmati keindahan habitat seperti kelip-kelip di celah-celah pokok bakau laut di sini.

"Selepas projek ini siap, ia akan menjadi satu lagi permata pelancongan baharu di Pulau Pinang.

"Kita pada proses mewujudkan inisiatif seumpama itu untuk kesejahteraan rakyat seiring dengan Visi Penang2030 yang mana ia benar-benar merupakan usaha baik dari negeri ini untuk menambah kemudahan rekreasi," jelasnya ketika ditemui dekat tapak pemajuan berhampiran Taman Areca di sini 7 April lalu.



TARIKAN utama kanak-kanak.

Selain itu, Siew Khim memberitahu bahawa elemen seperti Responsif dan Partisipatori Gender (GRPB) akan diterapkan dalam projek tersebut.

"Kini, taman ini hampir siap dan dalam sentuhan terakhir yang akan dilakukan oleh kontraktor, ia dijadualkan siap dalam tempoh sebulan," ujarnya.

Terdahulu, Siew Khim bersama-sama agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) menganjurkan kumpulan temu bincang bagi mendapatkan maklum balas daripada penduduk lokal berhubung cadangan pembangunan kawasan lapang di sini.

Dalam acara komuniti tersebut, rata-rata mereka memberikan maklum balas supaya diwujudkan kebun kejiranan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk lokal sekali gus menambahkan tarikan pelancongan rekreasi awam di negeri ini.



FLORA yang mencuri tumpuan Lim Siew Khim.

"Konsep projek itu dikemukakan pada Oktober 2019.

"Tujuan kami menjadikan kawasan lapang menjadi taman kejiranan bandar," ulasnya lagi kepada wartawan Buletin Mutiara.

# Kedai buku terpakai turut terokai platform digital

**SEBUT** sahaja Chowrasta, sudah pasti ramai yang terbayangkan memori membeli belah di bazarnya, pasar awam, barangan cenderahati, jeruk dan paling popular, kedai buku terpakai.

Terletak berhampiran pusat bandar dan laluan strategik di Jalan Penang, rata-rata pelancong asing dari dalam dan luar negeri pasti mengambil kesempatan mengunjungi bangunan ikon yang dibina sejak tahun 1890 itu.

Dalam tinjauan Buletin Mutiara ke kedai buku terpakai baru-baru ini, penulis, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** sempat menemu bual bersama salah seorang pemilik kedai, **SABRI SABRAN NASEER KHAN**.

Sabri Sabran merupakan generasi kedua yang mewarisi perniagaan tersebut daripada ayahnya yang sebelum itu bertapak di Jalan Macalister.

Ditanya mengenai jualan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu hingga kini, beliau menyatakan bahawa jualan buku-buku beliau masih dalam keadaan baik di sebalik pelbagai perniagaan terjejas akibat pandemik COVID-19.

"Sejak dari PKP tahun lepas, memang kami fokus kepada jualan dalam talian sahaja, melalui *Facebook* terutamanya iaitu *NK Book Café*.

"Perniagaan sebenarnya masih *'ok'* walaupun di kedai memang agak kurang dalam tempoh setahun ini.

"Buku-buku di sini banyak dapat permintaan dari seluruh Malaysia, terutamanya Kuala Lumpur dan memang hari-hari saya perlu buat kerja pos buku ini," ujar Sabri Sabran sambil menyiapkan pembungkusan buku-buku yang dipesan oleh pelanggan melalui dalam talian.

Mengulas mengenai budaya membaca yang sering dikatakan semakin luntur dalam kalangan rakyat Malaysia, Sabri Sabran menafikan perkara tersebut.

"Kalau budaya membaca itu semakin kurang, rasanya saya pun sudah tidak boleh cari makan lagi.

"Mungkin generasi hari ini ada yang membaca melalui dalam talian, tetapi bagi saya bacaan secara *'real'* dengan buku masih baik.

"Lagipun dengan perniagaan buku terpakai ini harga pun murah, paling penting keadaan buku juga masih elok, kenapa perlu belanja mahal-mahal," katanya yang juga anak jati kelahiran Pulau Mutiara.



SABRI Sabran Naseer Khan sedang menguruskan penghantaran tempahan para pelanggan.

Bagi yang mencari bahan bacaan bagi semua peringkat umur pada harga berpatutan, boleh kunjungi premis bernombor 2 dan 12, Tingkat 2 Bangunan Chowrasta.

Daripada novel, buku cerita, buku masakan, sejarah, pembelajaran dan bermacam-macam jenis bacaan yang majoritinya berbahasa Inggeris boleh didapati di sini.

Difahamkan Chowrasta menempatkan beberapa lagi kedai buku terpakai, terokai pengalamannya!



PEMANDANGAN salah satu sudut kebun durian Bao Sheng.

CHANG Teik Seng menunjukkan bunga durian yang gugur akibat hujan lebat.

# Rasai durian segar ber'gas' di Balik Pulau

SABAN tahun, Pulau Pinang terutamanya di Balik Pulau seolah-olah memiliki aromanya tersendiri apabila tiba musim durian.

Bukan sahaja pengunjung tempatan, bahkan pelancongan asing dari Hong Kong, Taiwan, Singapura hatta Eropah turut tidak melepaskan peluang berkunjung ke Balik Pulau bagi merasai sendiri kelazatan Raja Buah berkaitan.

Namun, dalam tempoh dwi tahunan kebelakangan ini, musim durian di Balik Pulau seakan -akan disambut dalam suasana yang berbeza.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** cuba menyelami situasi berkenaan di Kebun Durian Bao Sheng, Balik Pulau.

Menurut pemilik kebun durian itu, **CHANG TEIK SENG**, sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020, musim durian akan menggamit begitu ramai pengunjung tempatan dan pelancong asing.

Beliau memberitahu bahawa ada pelbagai keistimewaan sekiranya mereka menginap di chalet dekat Kebun Durian Bao Sheng.



DURIAN yang baru berputik mengambil masa kira-kira 85 ke 100 hari untuk menjadi masak.

"Di Bao Sheng, kami ada keistimewaan tersendiri sebelum ini, iaitu pelanggan boleh tinggal di sini dekat chalet dan makan durian yang segar.

"Ramai yang tertanya-tanya apakah perbezaan durian segar tersebut kepada saya, saya jelaskan, kalau manis, semua durian boleh dapat rasa manis.

"Tetapi kalau tinggal di sini, anda boleh rasa durian segar yang baru jatuh kurang 30 minit, kerana dalamnya masih ada 'gas' dan rasa semacam 'kebas' mulut apabila menikmatinya, itu yang ramai penggemar durian cari," ujarnya yang merupakan generasi ketiga mewarisi Kebun Durian Bao Sheng.

Namun, menurut Teik Seng, penginapan chalet tersebut kini terpaksa ditutup ekoran pihaknya tidak mahu mengambil risiko pada kala pandemik masih mencapai tiga angka di Pulau Pinang.

Justeru, dalam tempoh 'suram' kini, beliau memberitahu bahawa pihaknya hanya menaik taraf kemudahan chalet sebagai persiapan musim hadapan sekiranya keadaan pandemik kembali reda.

Berkongsi cerita mengenai keistimewaan Bao Sheng lagi, Teik Seng memberitahu bahawa kriteria buah durian terbaik juga datang daripada spesies pokok yang tua dengan harga yang lebih tinggi.

Selain pandemik COVID-19, tambah beliau, ada cabaran lain seperti cuaca hujan yang mampu memberi kesan terhadap keberhasilan bunga buah bagi musim durian yang kian tiba bermula bulan depan.

"Kebelakangan ini hujan turun lebih kerap, jadi ia menggugurkan bunga dari pokok.

"Oleh sebab itu, durian yang terhasil juga akan berkurangan dan saya jangka hasil durian tahun ini akan menurun sekitar 10 peratus berbanding tahun lalu.

"Bagi pasaran pula, pemasaran dalam talian harus diteruskan dengan menggunakan platform *durian.com.my* atau *Facebook, Bao Sheng Durian Farm*," jelasnya yang menanam pelbagai durian baka premium serta berkualiti tinggi.

Ketika dibawa menelusuri Kebun Durian Teik Seng, penulis tertarik dengan panel solar yang terdapat di pokok-pokok durian.

Beliau menyatakan bahawa panel solar tersebut adalah projek kolaborasinya bersama syarikat telekomunikasi dalam membangunkan sistem penggera.

"Bila buah jatuh ke dalam jaring, ia akan bergoyang, dari situ sensor akan menghantar isyarat di atas untuk maklumkan dari pokok mana buah itu jatuh.

"Jadi, dari situ dengan cepat kita boleh kutip buat tersebut dan beri kepada pelanggan untuk dimakan kurang daripada 30 minit bagi mendapatkan rasa durian yang lengkap dan segar," ulasnya.

Namun, Teik Seng memberitahu bahawa projek pintar tersebut terpaksa dihentikan buat seketika ekoran penutupan operasi chalet.

Menutup bicara, Teik Seng menjangkakan durian di Balik Pulau akan mula mengeluarkan hasil pada penghujung Mei hingga Julai membabitkan lebih 40 spesies yang ditanam di Kebun Durian Bao Sheng.



(Sambungan dari muka 1).

# Cepatkan naik taraf galeri

"Ini merupakan berita baik terutamanya kepada penduduk tempatan kerana selepas ini Guar Kepah mungkin akan lebih dikenali.

"Walau bagaimanapun, kita harap galeri ini dapat dinaik taraf serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti penyaman udara dan sebagainya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengembangkan pelancongan kreatif di negeri ini.

"Selepas adanya kemudahan lengkap, barulah artifak-artifak penting yang dijumpai di sini seperti rangka *'Penang Woman'* dapat ditempatkan di sini untuk dipamerkan kepada orang awam serta para pelancong.

"(Dan) tanggungjawab membina galeri arkeologi bukan hanya terletak di bahu Kerajaan Negeri tetapi juga Kerajaan Pusat kerana artifak yang ditemui turut menyumbang kepada perkembangan sejarah ketamadunan manusia di negara ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Guar Kepah, **MOHD. YUSRI MUSTAFA** berkata bahawa penyenaraian Galeri Arkeologi Guar Kepah sebagai tapak warisan semestinya merupakan berita gembira buat penduduk tempatan.

Menurut beliau, tapak arkeologi Guar Kepah menjadi tarikan baru dan bakal menarik kehadiran lebih ramai pelancong sama ada dari dalam serta luar negara terutamanya mereka yang meminati sejarah.

"Apa yang menarik di tapak arkeologi ini adalah rangka *'Penang Woman'* yang berusia lebih 5,000 tahun ini hanya dijumpai di sini dan ia tidak ada di tempat lain.

"Oleh itu, kita setuju sangatlah kalau kerajaan dapat mempercepatkan kerja-kerja menaik taraf galeri ini supaya lebih selamat bagi menempatkan artifak-artifak sejarah yang ditemui di sini untuk tatapan para pelancong selain memberikan keselesaan kepada pengunjung.

"Sekiranya rancangan ini dapat direalisasi kelak, selaku MPKK bagi kawasan ini saya bersama-sama pemimpin tempatan akan mempergiatkan aktiviti yang dapat merancakkan lagi sektor pelancongan di SPU," katanya.



MOHD. Yusri Mustafa.



MOHD. Hafizuddin Abdullah.

### Kerja ekskavasi perlu lebih teliti

Pembantu muzium dari USM, **MOHD. HAFIZUDDIN ABDULLAH** berharap agar pewartaan tapak arkeologi Guar Kepah sebagai tapak warisan kebangsaan akan dilaksanakan selepas pembinaan galeri siap sepenuhnya.

Ini kerana menurut beliau, apabila tapak arkeologi berkenaan telah diwartakan, maka proses ekskavasi yang hendak dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM menjadi agak sukar.

"Sepatutnya, pewartaan tapak arkeologi ini adalah di bawah Akta Warisan (Akta 645), dan perlu dilakukan selepas pembinaan galeri siap sepenuhnya.

"Selepas tapak ini diwartakan sebagai warisan kebangsaan, ia akan menyukarkan proses pembinaan galeri kerana semua kerja yang hendak dilaksanakan perlu memenuhi peraturan-peraturan di bawah akta tersebut.

"Hal ini bukan bermaksud proses ekskavasi yang dijalankan USM sebelum ini adalah dengan cara tidak berhati-hati cuma ia tidaklah sesukar apabila tapak arkeologi ini diwartakan," ulas Mohd. Hafizuddin.

Sebagai individu yang bertanggungjawab menyelia tapak arkeologi berkenaan, Mohd. Hafizuddin memberitahu bahawa pembinaan Galeri Guar Kepah yang lengkap amat penting sebagai tempat penyimpan *'Penang Woman'*.

"Semua artifak asal yang dijumpai di sini kini disimpan di Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM kerana ia memerlukan cara penyimpanan khas terutamanya daripada segi kawalan suhu.

"Justeru, apabila galeri ini siap kelak, kira-kira 500 spesimen termasuk rangka *'Penang Woman'* akan disimpan serta dipamerkan di sini," jelasnya.

Difahamkan, kali terakhir USM bertanggungjawab menjaga tapak arkeologi berkenaan adalah pada tahun 2017 sebelum diserahkan kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang.




ARTIFAK *'Penang Woman'*.



TAPAK arkeologi di Guar Kepah.



# Sasar 100 hab *Smart Community Urban Farming* – Kebun Kita[R]



ANTARA hasil tanaman yang terdapat di PDL.



Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PERBADANAN** Ketua Menteri (CMI) Pulau Pinang diangkat sebagai johan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah kategori penciptaan bagi Projek Smart Community Urban Farming – Kebun Kita[R].

Timbalan Pengurus Besar CMI, S. Bharathi yang juga fasilitator bagi projek berkaitan menzahirkan rasa bangga dan bersyukur apabila 'Kumpulan Verduras' (bahasa Sepanyol bermaksud sayur) diumumkan sebagai johan.



**S. Bharathi (tiga dari kiri) bersama-sama pasukan CMI merakam gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri sambil menunjukkan piala dan sijil kemenangan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020.**

"Projek ini merupakan projek hibrid yang dicetuskan oleh CMI melalui konsep *'Public Private Community Academia'* bersama-sama Think City Sdn. Bhd. dan rakan akademik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di bawah bidang 'Inovasi Sosial'.

"Menariknya, projek ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 di bawah tema menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah serta inisiatif strategik B2 iaitu memodenkan dan mempelbagaikan pertanian mampan," ujarnya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara 9 April lalu.

Menurut Bharathi, idea untuk projek ini tercetus sejak awal tahun 2020 apabila seluruh dunia diserang pandemik COVID-19 dan isu keselamatan sumber makanan menjadi penting.



**S. Bharathi menunjukkan sayuran segar yang ditanam menggunakan kaedah penanaman batas dan pengairan sensor pintar.**

"Selain itu, impak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutama kepada kelompok B40 ketika itu menjadi 'petunjuk' untuk mengusahakan projek ini.

"(Dan) pemilihan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) adalah kerana beberapa faktor, dan salah satunya adalah ia (PDL) mempunyai taman poket yang berpotensi untuk diusahakan di samping menjimatkan kos pembersihan," katanya.

Difahamkan, CMI merupakan pemilik projek dengan menyediakan tapak yang selamat, sumber tenaga kerja serta utiliti. Manakala, Think City Sdn. Bhd. pula menyediakan peruntukan bagi kemudahan peralatan termasuk penyediaan prototaip dan UPSI pula menyediakan kepakaran teknologi serta inovasi pertanian dengan menggunakan Sistem IoT iaitu *'Internet of Things'* yang mengawal suhu dan jumlah air yang disalurkan.

Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang turut menyumbang biji benih dan anak pokok untuk pelaksanaan projek.

Ditanya mengenai keunikan projek tersebut berbanding pendekatan pertanian lain di negeri ini, Bharathi memaklumkan bahawa ia merupakan projek pertanian pintar *(smart farming)* yang mengguna pakai sensor bagi pemantauan suhu, pembajaan dan pengairan.

"Kaedah pintar ini menggantikan kaedah konvensional, *'timer control irrigation'* melalui penggunaan teknologi identifikasi frekuensi radio atau RFID.

"Malah, projek ini turut menggunakan kombinasi penanaman batas, akuaponik menegak serta mesin kompos.

"(Dan) kaedah akuaponik menegak ini merupakan projek pertanian dan perikanan secara pintar pertama di Pulau Pinang yang mana kolam ikan tilapia membekalkan sumber air kepada tanaman.

"Antara tanaman yang diusahakan termasuklah bayam merah, salad, sawi jenis *'bok choy'*, terung, cili, kobis bunga, timun dan kacang panjang.

"Kesemua hasil tanaman di sini adalah segar sejajar dengan konsep yang ingin kami terapkan iaitu *'from farm to plate'* serta bebas bahan kimia atau racun perosak," jelasnya.

Sebagai rekod, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 14 September 2020 hadir ke majlis tuaian pertama yang mana sejumlah 150 kilogram sayur dihasil dan diagihkan kepada kelompok B40 di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis, Flat Jalan Kedah serta beberapa kawasan sekitar PDL.

"Sebagai tambahan, hasil tuaian turut diagihkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) seperti Pusat Perlindungan Kanak-kanak dan sebagainya.

"Manakala 40 peratus hasil tuaian dikomersialkan bagi pulangan ROI atau *'Return of Investment'*," katanya.

Dalam pada itu, Bharathi turut berkongsi perancangan masa depan yang mana pihaknya berhasrat untuk melaksanakan pertanian komuniti di kawasan bandar.

"Inisiatif ini juga boleh dilaksanakan di bangunan-bangunan kerajaan, ruangan atas bumbung, parkir kereta dan lorong-lorong terbiar di negeri ini.

"Konsep penanaman ini tidak hanya terhad untuk kawasan tanah terbuka sahaja tetapi boleh dilaksanakan secara *'indoor'* seperti dalam bangunan terbiar, kontena yang mana cahaya matahari digantikan dengan penggunaan lampu LED.

"Pihak yang berminat juga boleh berkongsi proses replikasi melalui konsep *'adopt and adapt'*.

"Semestinya pihak kami (CMI) mensasarkan untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti pintar dengan menggunakan konsep yang sama atau pertanian bandar dalam tempoh lima tahun akan datang," ulasnya yang turut meluangkan masa melihat kawasan sekitar.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Yusof Rawa<br>aidayusofrawa@gmail.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

**TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!**



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR<br>04 - 650 5556 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com


*Layari*

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Pemandu perkhidmatan jip Bukit Bendera dihargai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **KEVIN VIMAL**




**CHEOK Lay Leng (tujuh dari kiri) dan R. Kaliyappan (lapan dari kanan) serta barisan penerima bergambar di Stesen Bawah Bukit Bendera usai majlis penyerahan berkaitan di sini baru-baru ini.**

**AIR PUTIH –** Seramai 12 pemandu perkhidmatan jip Bukit Bendera yang terjejas pendapatan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerima sumbangan daripada Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC).

Pengurus Besar PHC, Dato' Cheok Lay Leng ketika berucap pada majlis penyerahan berkenaan pada 26 Mac lalu menyatakan bahawa sumbangan cek tunai bernilai RM500 adalah sebagai penghargaan kepada pemandu perkhidmatan jip yang berkhidmat dari laluan Taman Botani ke puncak Bukit Bendera.

"Mereka (pemandu jip) sangat membantu dan menyokong PHC selama ini termasuk menjadi antara individu terawal menghulurkan bantuan semasa kecemasan mahupun ketika kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

"Bagi pihak PHC, saya berharap sumbangan ini juga dapat membantu mereka dalam menghadapi masa sukar ini yang mana kita masih dalam tempoh PKP sejak Mac 2020.

"(Dan) diharapkan sumbangan ini dapat membantu mereka meneruskan hidup," ujarnya sambil menzahirkan penghargaan kepada pemandu perkhidmatan jip berkaitan.

Turut menghulurkan sumbangan pada hari tersebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng yang diwakili oleh Pembantu Khas, Hong Kian Beng serta Ahli Majlis daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), R. Kaliyappan.

Dalam pada itu, Kaliyappan ketika ditemui turut menzahirkan penghargaan kepada semua pemandu perkhidmatan jip atas ketekunan mereka sepanjang tahun ini.

"Adakalanya dalam hidup ini, pemberian yang kita rasakan kecil sebenarnya memberi makna yang begitu besar terhadap penerima.

"(Dan) pemberian baucar bernilai RM100 diharap memberi manfaat kepada mereka (pemandu jip)," zahirnya.

Bagi pemandu perkhidmatan jip, V. Karthigesen, 33, beliau berasa terharu dengan pemberian ketiga-tiga pihak.

"Saya juga ingin menzahirkan penghargaan kepada pihak berkaitan atas sumbangan yang cukup bermakna ini.

"(Dan) kami, pemandu perkhidmatan jip, berbesar hati membantu sama ada PHC mahupun pengunjung yang ingin ke puncak Bukit Bendera menikmati perkhidmatan yang terbaik," katanya yang turut menerima sumbangan berupa makanan asas seperti beras, minyak masak, gula, biskut dan mi segera daripada wakil ADUN Air Putih.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11849
Peminjam : NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 93010407****
4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105****
4-5-4 LEBUH NIPAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607****
NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11882
Peminjam : SHANISE BINTI RASHID - 92080807****
3 JALAN SAUJANA INDAH 1/2, TAMAN SAUJANA INDAH, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SARIAH BINTI ALI - 66041208****
NO.3 JALAN SAUJANA 1/2, TAMAN SAUJANA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SUKUMARAN A/L SUBRAMANIAM - 69110902****
NO.85 LORONG SEJAHTERA 9, TAMAN SEJAHTERA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11885
Peminjam : SALWANI BINTI SALIM - 75121207****
NO. 33 LORONG BENTARA 19, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907****
NO. 33 LORONG BENTARA 19, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SALLINDA BINTI SALIM - 86031135****
SB 5360 UNIT 4, PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 11916
Peminjam : NURUL SYAKINA BT MD HASHIM - 92101307****
NO.3630 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHD NOR AZMIN BIN MD HASHIM - 85123107****
3630 MUKIM 4 , 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : NORRASHIKEN BINTI ABDULLAH - 82052107****
NO 1401 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 11926
Peminjam : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107****
NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 1 : ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608****
NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756****
NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 11929
Peminjam : FARAH LIYANA BINTI ROZALI - 89021607****
NO.25 LORONG TASEK MAJU 4, TAMAN TASEK MAJU 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ROZALI BIN SERAT - 64032707****
2205 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD SHARIZAL BIN MD ISA - 84121202****
NO.269 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH

No Akaun : 11937
Peminjam : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502****
E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NURUL ANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107****
NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : FAIZAL BIN MD SAID - 84081807****
NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 11946
Peminjam : MALATHI A/P PANNIR SELVAM - 85052107****
478 JALAN POKOK CHERRY, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : PANNIR SELVAM A/L VETRAYAN - 61050402****
NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHANMUGAN A/L PANNIR SELVAM - 89042007****
NO.478 JALAN POKOK CHERRY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11950
Peminjam : NUR SAFINA IZWANI BINTI RUMLI - 94091307****
5426 KAMPUNG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : INTAN MASYITAH BINTI RUMLI - 86021835****
NO.5426 KAMPUNG GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL NIZAM BIN RUMLI - 79032307****
NO.118 JALAN MERU IMPIAN 3, HALAMAN MERU IMPIAN, JELAPANG 30020 IPOH, PERAK

No Akaun : 11953
Peminjam : NOOR SYAFIQAH BINTI CHE OMAR - 89100802****
2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : CHE OMAR BIN ABDULLAH - 62010107****
NO.2908 MUKIM 12, JALAN POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NOOR AZRUL BIN YAHAYA - 82041507****
NO.365 PERMATANG TOK JAYA, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH

No Akaun : 11973
Peminjam : SITI NUR BAYA BINTI IDRIS - 88042407****
198D JALAN BURMA , GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD SHAHRIL BIN SHAFIE - 87051535****
NO. 30 PINTAS SEMBILANG 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : AHMAD KHAIRUL NIZAM BIN ARIF - 85031907****
NO. 273 JALAN DATO KRAMAT, KAMPUNG MAKAM 10150 PULAU PINANG

No Akaun : 11978
Peminjam : AFIZA BINTI MOHD ZAINI - 88093035****
SMA AL-AHMADIAH AL-IJTIMAIAH, JALAN PADANG LALANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NADIA BINTI MOHD ZAINI - 87082735****
NO.190 LORONG KEMUNING 3, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMAD SYAFIQ BIN SUHAIMY - 88062635****
NO.534 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11984
Peminjam : SHARREMHELAAN A/L GOBALA KRISHNAN - 95081507****
NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : GOBALA KRISHNAN A/L V MUNIANDI - 59043007****
NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : KOMALA A/P P M SUBRAMANIAN - 68062707****
NO.15 LORONG MELUR 14, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 11986
Peminjam : MUHAMAD FARIZ AIZAT BIN MOHD NASIR - 95052807****
NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN AYOB - 65081107****
NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FARA DIYANA BINTI MOHD NASIR - 89100607****
NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

# CDERT kesiapsiagaan tinggi hadapi sebarang kemungkinan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**PAYA TERUBONG -** Penubuhan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) di bawah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) perlu berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi bagi menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan susulan pandemik COVID-19 yang masih melanda negara dan negeri kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berucap sedemikian semasa acara perasmian penubuhan CDERT MPKK Semarak Api N34 Paya Terubong, Farlim di sini pada 27 Mac 2021.

"Tujuan penubuhan CDERT adalah untuk membantu mengurangkan kesan terhadap satu-satu kecemasan atau bencana di peringkat awam.

"Justeru, kesiapsiagaan terhadap satu-satu keadaan kecemasan di peringkat awam akan memberi bantuan yang berkesan kepada agensi (kerajaan) atau pihak berkenaan demi menjamin (kesejahteraan awam) di kawasan komuniti mereka," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada majlis berkenaan.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan dif-dif jemputan pada acara perasmian penubuhan CDERT MPKK Semarak Api N34 Paya Terubong, Falim di sini baru-baru ini.**

Menurut beliau yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong, penubuhan CDERT untuk kerja-kerja penyelamatan nyawa serta harta benda orang awam semasa bencana adalah berdasarkan Seksyen 8(1) Akta 221.

Susulan itu, beliau berharap CDERT dapat terus melakukan program-program kebajikan yang diperlukan umum semasa pandemik COVID-19, dengan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) serta saranan-saranan agensi kerajaan yang berkaitan keselamatan awam.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin yang juga ADUN Paya Terubong; Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Y.A.S. Datuk Roslan Wahab turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Pengarah APM Pulau Pinang, Kolonel (PA) Ishak Mohd. Radzi; Penasihat CDERT Farlim, Mejar Bersekutu (PA) Ooi Chao Syhuan serta wakil-wakil agensi yang kerajaan berkaitan keselamatan awam yang lain.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan ucapan Selamat Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Ke-69 yang disambut pada 24 Mac saban tahun.

# Muay Thai bukan sekadar seni bela diri

**SUKAN** *Muay Thai* atau dikenali masyarakat tempatan sebagai *'Tomoi'* sebenarnya lebih daripada seni bela diri yang dianggap agak bahaya oleh sesetengah masyarakat.

Pernah popular di layar perak sekitar tahun 80an dan 90an menerusi filem bersiri *kickboxing* lakonan Jean-Claude Van Damme dan aksi Tony Jaa, mungkin antara sebab sukan tersebut sering dibayangi aksi ganas.

Memasuki era moden, sukan dari negara 'gajah putih' itu juga kian mendapat tempat di temasya sukan utama seperti Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan SEA dan Sukan Asia.

Bagi jurulatih *Muay Thai* berpengalaman di gimnasium sukan kombat *Penang Top Team*, **MOOK KOK HOONG**, 43, sukan tersebut sebenarnya punyai pendekatan yang pelbagai bergantung kepada pelatih.


**MOOK Kok Hoong.**

"Apabila orang ramai tanya, tidak bahayakah sukan ini, saya kata anda perlu cuba dahulu baru boleh tahu.

"Sukan *Muay Thai* tidak semestinya berlawan hingga cedera teruk, anda boleh belajar untuk tujuan kecergasan, mendapatkan berat badan ideal, beriadah dan paling utama sebagai seni mempertahankan diri.

"Malah, sukan ini juga sebenarnya sesuai untuk semua lapisan umur serta jantina, bergantung kepada apa yang anda mahukan, ada yang datang untuk kecergasan, kita memang sediakan latihan bersesuaian.

"Kalau datang untuk masuk pertandingan pun, kita ada latihan khas untuk itu, jangan risau tentang pengalaman kerana kami semua di sini pun semuanya bermula dari 'kosong'," ujarnya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara di gimnasium beliau dekat *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre* (SPICE) pada 15 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Kok Hoong menyatakan bahawa secara keseluruhan, 80 peratus yang hadir memilih untuk menyertai kelas *Muay Thai* bagi membentuk badan, kardio serta kecergasan manakala selebihnya adalah menyertai pertandingan.

"Untuk itu, adalah penting untuk hadir ke kelas supaya anda mempelajari teknik yang betul dan tidak cedera.



**PENULIS turut mengambil peluang mencuba beberapa teknik sukan *Muay Thai.***

"Malah, kepada mereka yang ingin menyertai pertandingan, komitmen lebih perlu diberikan berbanding untuk kecergasan," ulasnya yang kini mempunyai kira-kira 300 pelatih aktif.

Antara pertandingan peringkat negeri yang popular adalah Kejohanan Muay Thai Terbuka Pesta Pulau Pinang yang diadakan secara tahunan.

"Selain kejohanan tempatan, saya turut mengambil bahagian dalam penganjuran *Malaysian Invasion Mix Martial Arts* dan *Brazillian Jiu Jitsu*," katanya yang berpengalaman dalam tempoh 10 tahun.

Sekiranya berminat untuk menyertai kelas tersebut, anda boleh terus ke Gimnasium Kombat Penang Top Team, Tingkat 1 di Aquatic Centre SPICE Arena. Yuran adalah bergantung kepada pakej yang anda ingin sertai. Bagi maklumat lanjut, sila hubungi Kok Hoong di talian +60 19-561 9299 atau lawati *Instagram Penang Top Team.*

# Raya Dirai, SOP Dipatuhi

**Tahun** ini merupakan tahun kedua kita bakal menyambut hari raya dalam keadaan wabak COVID-19 yang masih berleluasa. Masing-masing menanti penuh debar keputusan Majlis Keselamatan Negara sama ada membenarkan rentas negeri untuk pulang beraya di kampung ataupun sebaliknya. Walau apapun keputusannya nanti, raya tetap raya. Jom bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kenali bajet raya mengikut saiz kewangan anda.

## Saiz S (Sederhana)

Anda mungkin salah seorang yang terkesan akibat wabak COVID-19 dan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diperkenalkan. Namun ini tidak bermakna anda dan keluarga tidak boleh menyambut raya. Dengan bajet yang kecil, anda mungkin tidak perlu menukar baju baru. Inovasikan pakaian sedia ada atau baju raya tahun lepas dengan konsep "mix & match". Baju kurung tahun lepas mungkin nampak lebih berseri apabila dipadankan dengan tudung baru dengan rona yang sepadan. Rasanya sehelai tudung baru boleh dibeli dengan harga di bawah RM20. Tak ada siapa pun ambil tahu anda beraya dengan baju baru ataupun tidak.

## Saiz M (Mampu)

Alhamdulillah, tidak mewah tetapi masih mampu menyediakan sepersalinan baju baru untuk diri sendiri dan anak-anak. Buat perbandingan harga sebelum membeli belah. Tetapkan had maksima harga barangan yang hendak dibeli dan patuhi had tersebut. Terdapat banyak pilihan untuk kita membeli-belah secara atas talian dengan harga yang berpatutan mengikut citarasa dan kemampuan kita. Awas, jangan sampai berhutang.

## Saiz L (Lega)

Anda bertuah, di kala orang lain mungkin terkesan dengan wabak COVID-19, anda masih boleh berbelanja untuk menyambut hari raya. Hindari diri dari mudah tergoda dengan segala macam promosi terutama di media sosial. Anda tidak perlu membandingkan diri anda dengan orang lain. Tekanan rakan sebaya (peer pressure) mungkin menyebabkan anda berbelanja lebih daripada kemampuan sehingga terpaksa berhutang. Akhirnya selepas raya anda yang tertekan dikejar hutang.

## Saiz XL (Xtra)

Bersyukurlah dengan rezeki lebih yang dikurniakan Tuhan kepada anda. Inilah masanya anda berkongsi rezeki dengan orang lain. Mungkin ada anak-anak saudara ataupun anak-anak jiran yang kita kenal tidak bernasib baik kerana ibu bapa mereka terjejas pendapatan di waktu pandemik ini. Sepasang baju raya baru untuk anak-anak ini pasti membuatkan mereka ceria dan menghargai anda. Jika kita yang memberi merasa gembira dan bahagia, cuba bayangkan perasaan mereka yang menerima. Semoga segala amal baik kita diterima dan kita dilimpahi dengan rezeki yang berganda.

## Saiz Free (Kebebasan)

Berkat sikap jimat cermat anda berbelanja dan menyimpan, anda kini memiliki kebebasan kewangan untuk menyambut lebaran tahun ini. Walau bagaimana pun, ini bukan lesen untuk anda membazir. Berbelanjalah dengan berpada kerana kita tidak dapat menduga apa yang menanti di kemudian hari. Langit tidak selalu cerah. Rancang sebaik mungkin kewangan anda terutama untuk pendidikan anak-anak dan persaraan anda untuk kehidupan yang tenang dan selesa nanti.

Justeru itu, anda yang tentukan saiz kewangan anda bagi menyambut raya tahun ini. Anda masih belum terlambat untuk mengubah gaya hidup anda. Hari raya bukan sekadar bergembira dan bergaya semata, jalinan silaturrahim sesama keluarga dan jiran tetangga itu yang lebih utama. Di dalam norma baru, teknologi digital menghubungkan kita sesama kita walau di mana berada.

Di kesempatan ini juga kami ingin berkongsi, sekiranya inidividu ingin mendapatkan pengetahuan untuk menguruskan kewangan dengan lebih baik, AKPK ada menyediakan perkhidmatan pendidikan kewangan atas talian di *https://power.akpk.org.my* bagi membantu orang ramai untuk mempelajari bagaimana menguruskan kewangan dengan







cara yang lebih berhemat. Pembelajaran ini akan membantu individu menguasai situasi kewangan mereka dan mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak dan berhemat.

Selain itu, AKPK juga ada menyediakan khidmat bantuan pembayaran balik pinjaman kepada penyelia-penyelia kredit mengikut kesesuaian aliran tunai peminjam melalui Program Pengurusan Kredit atau PPK kepada individu dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil atau SPKK kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS. Perkhidmatan-perkhidmatan ini adalah percuma kepada semua individu dan PKS dan AKPK tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk menjalankan perkhidmatannya.

Akhir kata, kepada semua umat islam yang akan menyamput hari raya pada pertengahan bulan Mei nanti, Selamat Hari Raya Aidil Fitri dari kami di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Raya Dirai, SOP Dipatuhi.

***#kitajagakita.***




## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2021

# Selamat HARI RAYA AIDILFITRI



Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **15 Mac 2021** hingga **31 Mei 2021.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**